



Perkhidmatan budaya dan seni

LEMBARAN FAKTA

Disediakan oleh Department of Local Government, Sport and Cultural Industries (dahulu Department of Culture and the Arts)

Budaya dan seni di Wilayah Lautan Hindi

Department of Local Government, Sport and Cultural Industries — Culture and the Arts (WA) menyediakan perkhidmatan berikut bagi pihak Kerajaan Australia:

- mempromosikan sektor budaya yang beragam, rancak dan lestari; dan
- menyokong pelaksanaan aktiviti budaya dan seni di seluruh Wilayah melalui pembangunan dasar dan pemberian dana.

Apakah ertinya bagi saya?

Department of Local Government, Sport and Cultural Industries — Culture and the Arts (WA):

- memberi panduan untuk pelaksanaan budaya dan seni di Wilayah ini melalui khidmat pembangunan dasar, penyelarasan, dan sokongan; dan
- bekerjasama dengan sejumlah organisasi budaya dan seni untuk memastikan perkhidmatan ini dilaksanakan di seluruh Wilayah. Ini termasuk Country Arts WA, Community Arts Network WA dan Art On the Move.

Setiap tahun, perkhidmatan yang diberikan termasuk jelajah seni visual atau seni persembahan, dan dana berulang untuk Arts and Culture Christmas Island Incorporated.



Tahukah anda, Department of Local Government, Sport and Cultural Industries – Culture and the Arts (WA) mempunyai Research Hub? [Research Hub](#) memberi penerangan tentang projek penyelidikan terbaru, statistik penting secara visual, dan pautan kepada laporan ringkas dan bahan terbitan mengenai budaya dan seni di Australia Barat..

Penerangan di Research Hub didapati daripada tinjauan yang dijalankan untuk Jabatan oleh konsultan penyelidikan bebas, data khusus Australia Barat daripada Australian Bureau of Statistics (ABS) dan dapatan lain daripada rakan penyelidikan.

Untuk mendapatkan penerangan lanjut

Cara menghubungi

Telefon

Butir-butir hubungan

08 6552 7400

E-mel

grantsprogramsca@dlgsc.wa.gov.au

Laman web

www.dca.wa.gov.au